

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK RAZALI BIN IDRIS

TARIKH : 13 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

Datuk Razali Bin Idris minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan Kerajaan mempertimbangkan untuk mewujudkan pusat kuarantin khas untuk kanak-kanak yang dijangkiti COVID-19 bagi memastikan isu kebajikan dan perkembangan emosi sosial golongan itu tidak terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini terdapat 134 buah Pusat Kuarantin yang sedang beroperasi di seluruh negara berdasarkan maklumat daripada Sekretariat Pengurusan Bencana Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) sehingga 12 Oktober 2021.

Pelaksanaan kuarantin bagi golongan dewasa dan kanak-kanak adalah di bawah bidang kuasa Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Bagi tujuan ini pihak KKM telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan ruang kuarantin khas untuk kanak-kanak di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) MAEPS, Serdang, Selangor.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) membantu KKM dari segi menyediakan Standard Prosedur Kerja (SOP) bagi tempat kuarantin kanak-kanak dan perkhidmatan kepada kanak-kanak yang dikuarantin.

Sebanyak lima (5) SOP Bagi Pengurusan Kanak-Kanak Positif atau Kontak Rapat Pesakit COVID-19 telah disediakan oleh pihak JKJ:

1. Pengurusan kanak-kanak positif COVID-19 di PKRC MAEPS Serdang;
2. Pengurusan penerimaan kes kanak-kanak positif COVID-19 di pusat kuarantin kanak-kanak di PKRC;
3. Pengurusan discharge kanak-kanak di COVID-19 di pusat kuarantin kanak-kanak di PKRC;
4. Pengurusan kes kanak-kanak kontak rapat pesakit COVID-19 di pusat isolasi pusat jagaan tanpa penjaga; dan
5. Pengurusan kes kanak-kanak kontak rapat pesakit COVID-19 di pusat isolasi ISM bersama penjaga.

SOALAN NO. : 9

Perkhidmatan sokongan yang disediakan adalah seperti berikut:

1. Peralatan bantuan bagi menjalankan sesi kaunseling di Pusat Kaurantin Khas Kanak-Kanak PKRC MAEPS;
2. Program Kaunseling akan dijalankan oleh kaunselor KKM;
3. Intervensi Psikologi dan Kaunseling, seperti Kaunseling Individu, Kaunseling Kelompok, Terapi Psikologi;
4. Intervensi Krisis dan Sokongan Psikologi Intervensi termasuk Pengurusan Tekanan dan Trauma serta Pertolongan Cemas Psikologi (*Psychological First Aid, PFA*), *Debriefing Psychology*, *Grief Psychology*; dan
5. Psikopendidikan, Program Psiko-*Spiritual* serta Art Therapy.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN NURIDAH BINTI
MOHD SALLEH**

TARIKH : 13 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh mana nilai spiritual dan keagamaan diterapkan di dalam pusat-pusat perlindungan khusus untuk ibu tunggal, mangsa gangguan seksual serta tempat perlindungan warga emas bagi setiap negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensi-agensinya di bawahnya, menyediakan pelbagai perkhidmatan kebajikan bagi kesejahteraan kumpulan sasaran yang berlandung di sesebuah pusat atau institusi. Program atau aktiviti kerohanian akan dirancang dan dilaksanakan mengikut agama dan kepercayaan penghuni pusat atau institusi tersebut.

Bagi mangsa pemerdagangan yang ditempatkan di **Rumah Perlindungan Wanita (RPW)** dan mangsa keganasan rumah tangga di **Tempat Selamat yang diluluskan yang beragama Islam** disediakan pelbagai program kerohanian seperti bacaan Yasin dan Tadarus Al-Quran. Pada tahun ini, usaha Kerajaan dipertingkatkan dengan memperkenalkan projek rintis di mana **dua (2) buah Masjid dijadikan sebagai tempat berlindung** bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga.

Bagi **warga emas yang berada di Rumah Seri Kenangan (RSK)**, diberi peluang yang luas untuk **menimba ilmu pengetahuan agama dan melakukan amal ibadah**. Majoriti penghuni di RSK adalah yang beragama Islam dan **sentiasa didorong untuk beribadah terutamanya dalam Solat Fardhu secara berjemaah**.

Di setiap RSK disediakan surau dengan kapasiti yang luas untuk menjalankan aktiviti kerohanian. Penempatan **Pegawai Agama di setiap institusi** juga memainkan peranan penting untuk memberi bimbingan kepada warga emas dalam melaksanakan ibadah harian. Terdapat pelbagai aktiviti kerohanian yang disediakan di Rumah Seri Kenangan. Selain Solat Fardhu berjemaah, **Kelas Bimbingan Fardhu 'Ain, ceramah agama, Majlis Bacaan Surah Yasin & Tahlil, Kelas Tahsin al-Quran, kuliah agama atau tazkirah, Qiamullail, Solat Hajat dan Solat Dhuha** serta program sempena sambutan Hari Kebesaran Islam dianjurkan tanpa gagal.

Penghuni RSK turut mengamalkan ibadah berpuasa dan dipastikan menunaikan Zakat Fitrh setiap tahun. Bagi tahun 2021, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menganjurkan pelbagai program

kerohanian secara dalam talian. Program-program yang telah diadakan adalah Program Ihya' Ramadan, Kursus Tafaqquh Fiddin, Kalam Jaddi dan Madrasah Institusi.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi penghuni yang **bukan beragama Islam, turut disediakan ruang dan kemudahan beribadat mengikut kepercayaan agama mereka sendiri.** Mengikut permintaan penghuni, akan disediakan pengangkutan penghuni **ke rumah ibadat (kuil, tokong dan gereja) mengikut hari perayaan atau sambutan keagamaan. Sukarelawan dari NGO, IPTA atau mana mana pertubuhan juga diuruskan bagi tujuan menemani penghuni sepanjang berada di rumah ibadat masing-masing.** Penghuni bukan Islam juga dikunjungi oleh wakil agama mereka untuk menjalankan sesi keagamaan secara mingguan di ruangan khas yang disediakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK BOBBEY AH FANG
BIN SUAN**

TARIKH : 13 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam memastikan golongan wanita dapat diberikan platform yang lebih baik khususnya bagi mengisi jawatan-jawatan penting dalam Kerajaan dan juga swasta dan nyatakan usaha dalam memastikan golongan ibu tunggal dapat dibela kebajikan mereka sebaik mungkin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyokong sebarang bentuk usaha meningkatkan penglibatan wanita dalam bidang kepimpinan termasuklah sebagai pembuat keputusan. Dalam hal ini, Kerajaan telah mengumumkan pernyataan **dasar 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam pada tahun 2004 dan di sektor swasta pada tahun 2011**. Berdasarkan statistik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 2020, telah terdapat 38.2% penjawat awam wanita di peringkat pembuat keputusan. Manakala di sektor swasta pula ia baru mencecah 25.8% dan ini adalah berdasarkan keanggotaan wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah di 100 syarikat tersenarai awam yang teratas.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan bukan sahaja melalui KPWKM bagi memastikan dasar ini dapat dicapai, tetapi juga agensi peneraju lain yang turut sama bertanggungjawab seperti JPA bagi sektor perkhidmatan awam. Antara inisiatif utama yang dilaksanakan JPA ialah pembangunan kapasiti kepimpinan bagi mewujudkan kumpulan wanita berpotensi sebagai *pool of talents* untuk mengisi jawatan pembuat keputusan. Manakala bagi pelaksanaan dasar dalam sektor korporat, 30% Club Malaysia merupakan rakan strategik yang agresif mengiktiraf wanita supaya mereka diberikan pertimbangan yang sewajarnya sebagai Ahli Lembaga Pengarah di 100 syarikat tersenarai awam yang teratas. Selain itu, program-program kepekaan gender turut memainkan peranan signifikan kerana ia akan memberikan pemahaman tentang kepentingan penglibatan wanita dalam kepimpinan terutamanya dalam membantu meningkatkan kualiti tadbir urus untuk mencapai keputusan yang lebih baik dengan mengambil kira kepelbagaian pendapat.

Isu pemerksaan wanita dan kesaksamaan gender dalam kepimpinan merupakan isu *cross-cutting* yang memerlukan penglibatan, kerjasama strategik serta usaha pelbagai pihak ke arah memastikan penglibatan wanita secara produktif melalui latihan dan pendidikan, sehinggalah kepada usaha untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi yang

menghalang wanita untuk berkecimpung dalam kepimpinan dan sebagai pembuat keputusan untuk mengisi jawatan-jawatan penting dalam sektor awam dan swasta.

Bagi aspek kebajikan ibu tunggal pula, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan pelbagai inisiatif pemerkasaan wanita termasuklah ibu tunggal melalui kerjasama strategik dengan Kementerian/agensi berkaitan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) untuk menawarkan program kemahiran khususnya dalam bidang keusahawanan serta menjadi penghubung kepada pelbagai industri melalui karnival kerjaya yang melibatkan 3,785 peluang pekerjaan.

Selain itu, JPW turut memperkenalkan **Program Pemerkasaan Ibu Waja** melalui pelaksanaan projek rintis bagi program tersebut pada 6 Mac hingga 11 April 2021 yang telah melibatkan 57 orang peserta dalam kalangan ibu tunggal yang menetap di Wilayah Persekutuan. Program ini merupakan satu kursus yang sangat komprehensif, menyeluruh dan lengkap bagi kaum wanita terutamanya kepada ibu tunggal untuk mempunyai jati diri yang tinggi, berdikari dan memperkasakan ibu-ibu tunggal dalam aspek kehidupan demi menepati aspirasi KKPWKM untuk menjadikan mereka sebagai Wanita Waja. Antara objektif utama program ini juga adalah untuk memberi pengetahuan dan kemahiran dari sudut sosiologi dan perundangan kepada ibu tunggal dan pertubuhan/persatuan ibu tunggal dalam menangani kes-kes di Mahkamah atau isu-isu yang berbangkit selepas kematian suami.

KPWKM akan terus komited dalam mengukuhkan jaringan kerja yang lebih luas dalam mencapai agenda pemerkasaan wanita dan mengarusperdanakan gender bagi meningkatkan sumbangan wanita secara inklusif dalam kemajuan negara dan untuk mencapai kesejahteraan bersama.

Sekian, terima kasih.